

APPLICATION OF THE DOCTRINE OF *AL-IHTIYAT* (PRECAUTION APPROACH) IN ESTATE SUCCESSION TO *KHUNTHA* (HERMAPHRODITE) COMMUNITY

APLIKASI DOKTRIN *AL-IHTIYAT* (PENDEKATAN BERWASPADA) DALAM PEWARISAN HARTA PUSAKA KEPADA KOMUNITI *KHUNTHA*

Zahari Mahad Musaⁱ

ⁱ (Corresponding author) Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). zahari@usim.edu.my

Article Progress

Received: 3rd December 2017

Revised: 28th December 2017

Accepted: 3rd January 2018

Abstract	<p><i>The doctrine of al-ihityat (precaution approach) is part of the approach discussed by scholars in Islamic jurisprudence to determine fiqh rulings. It is a vital key in resolving conflicts in a given problem of fiqh. This paper aims to explain the position of the doctrine of al-ihityat in the determination of fiqh rulings. The discussion will focus on the status of the doctrine of al-ihityat outlined by scholars usul al-fiqh in determining a fiqh. In addition, emphasis will be given to the application of this doctrine in resolving faraid cases involving hermaphrodite (khuntha) community. The discussion in this article is based on the analysis of data with Islamic scholars description templates relating to the doctrine of al-ihityat. The main findings of this discussion show that the doctrine of al-ihityat is important as one approach to resolve the conflict in a fiqh rulings. This doctrine which tends to approach the logic also helps to solve some faraid cases although the faraid law is included in detailed Islamic legal category. In addition, this doctrine could clarify the succession of hermaphrodite community along with the rulings of faraid itself which gives the right to the right.</i></p> <p>Keywords: <i>The Doctrine of al-ihityat, faraid, succession, hermaphrodite.</i></p>
Abstrak	<p><i>Doktrin al-ihityat (pendekatan berwaspada) merupakan sebahagian pendekatan yang dibincangkan oleh ilmuan usul al-fiqh dalam menentukan sesuatu hukum fiqh. Ia mempunyai kepentingan dalam menyelesaikan pertembungan hukum dalam sesuatu permasalahan fiqh. Artikel ini bertujuan membincangkan kedudukan doktrin al-ihityat dalam penentuan hukum fiqh. Fokus perbincangan akan ditumpukan kepada status doktrin al-ihityat yang digariskan oleh ilmuan usul al-fiqh dalam menentukan sesuatu hukum fiqh. Selain itu, tumpuan akan diberikan kepada aplikasi doktrin ini dalam menyelesaikan kes faraid yang melibatkan komuniti khuntha. Perbincangan dalam artikel ini didasarkan kepada analisis data yang melibatkan nas-nas syarak dan huraian ilmuan usul al-fiqh berkaitan doktrin al-ihityat. Dapatan utama penulisan ini memperlihatkan bahawa doktrin al-ihityat adalah penting sebagai satu pendekatan yang menyelesaikan konflik dalam sesuatu hukum fiqh. Doktrin ini yang cenderung kepada pendekatan logik turut membantu</i></p>

	<p>dalam menyelesaikan beberapa kes faraid walaupun hukum faraid termasuk dalam kategori <i>al-ahkam al-tafsiliyyah</i> (penjelasan terperinci melalui hukum-hukum yang dinaskan). Selain itu juga, doktrin ini dapat menjelaskan pusaka komuniti <i>khuntha</i> seiring dengan pensyariatan faraid itu sendiri iaitu memberi hak kepada yang berhak.</p>
--	---

Kata kunci: Doktrin *al-ihitiyat*, faraid, pusaka, *khuntha*.

PENDAHULUAN

Hukum faraid merupakan sebahagian perancangan dalam mengurus kematian. Penentuan agihan dalam hukum faraid memperlihatkan ketelitian hukum syarak dalam memberi hak kepada yang berhak. Secara implisit, hal ini menunjukkan Islam memegang asas berwaspada dalam agihan pusaka supaya tiada konflik mahupun pertelingkahan antara waris si mati. Pendekatan berwaspada ini dikenali dengan *al-ihitiyat*. Ia merupakan sebahagian doktrin dalam membuat pertimbangan ke atas sesuatu hukum fiqh. Al-Shatibiyy (1417H/1997M: 3/85) menyatakan:

“Perundangan Syariah itu berasaskan kepada langkah berwaspada dan mengambil dengan ketelitian dan mengelakkan daripada perkara yang berkemungkinan menjurus kepada kerosakan”.

Persoalan yang timbul tentang doktrin *al-ihitiyat* dalam hukum pewarisan ialah beberapa situasi tertentu seperti kes yang melibatkan komuniti *khuntha*. Pada asasnya, penciptaan manusia di bumi ini melibatkan dua jantina iaitu lelaki dan perempuan sahaja seiring dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

“Kepunyaan Allah SWT kerajaan langit dan bumi, Dia menciptakan apa yang Dia kehendaki, Dia memberikan anak-anak perempuan kepada siapa yang Dia kehendaki dan memberikan anak-anak lelaki kepada siapa yang Dia kehendaki”. (Al-Qur’an. al-Shura [42]: 49).

Dalam firman Allah SWT yang lain yang bermaksud:

“Dan memanglah tidak sama anak lelaki dengan anak perempuan” (Al-Qur’an. Ali °Imran [3]: 36).

Berdasarkan nas al-Quran tersebut dapat difahami bahawa kejadian manusia dalam dua jantina yang berbeza iaitu lelaki dan perempuan. Setiap satunya mempunyai ciri-ciri yang unik dan berbeza, walaupun keduanya mempunyai peranan yang sama iaitu sebagai khalifah dan hamba Allah SWT. Kewujudan komuniti *khuntha* yang mempunyai dua alat kemaluan ataupun tanpa kedua-duanya merupakan sebahagian keunikan dalam penciptaan makhluk.

Artikel ini bertujuan membincangkan kedudukan doktrin *al-ihitiyat* dalam penentuan hukum fiqh. Fokus perbincangan akan ditumpukan kepada status doktrin *al-ihitiyat* yang digariskan oleh ilmuan usul al-fiqh dalam menentukan sesuatu hukum fiqh. Selain itu, tumpuan akan diberikan kepada aplikasi doktrin ini dalam menyelesaikan kes faraid yang melibatkan komuniti *khuntha*. Walaupun komuniti ini hanya kelompok minoriti, namun mereka tidak terkecuali daripada perincian hukum berkaitan dengannya di dalam Islam. Perbincangan dalam artikel ini didasarkan kepada kajian kepustakaan dengan kaedah analisis data digunakan yang melibatkan nas-nas syarak, huraian ilmuan usul al-fiqh berkaitan doktrin *al-ihitiyat* serta mengambilkira pandangan ijihad fiqh berkaitan isu pewarisan harta pusaka kepada *khuntha*.

KEDUDUKAN DOKTRIN AL-IHTIYAT DALAM PERBAHASAN HUKUM FIQH

Al-ihitiyat merupakan perkataan bahasa Arab yang berasal daripada kata dasar (حوط) iaitu melindungi dan (حيط) iaitu berhimpun serta berkumpul. Dari sudut bahasa perkataan *al-ihitiyat* merujuk kepada maksud penjagaan dan memilih sesuatu yang selamat (Ibn Manzur. 1414H: 7/279). Dari sudut istilah, pelbagai definisi yang diberikan oleh ilmuan

usul al-fiqh bagi menunjukkan doktrin *al-ihhtiyat*. Al-Jurjaniyy (1983: 12) mendefinisikan *al-ihhtiyat* kepada menjaga diri daripada melakukan perkara yang mendatangkan dosa. Al-Jassas (1994: 2/100) pula meletakkan *al-ihhtiyat* sebagai mengambil sesuatu yang dipercayai daripada perkara yang mempunyai dua kebarangkalian. Beliau turut menambah bahawa mengambil *al-ihhtiyat* merupakan asal penting dalam usul al-fiqh yang digunakan oleh majoriti fuqaha. Analogi mudah yang diberikan ialah sekiranya seseorang mengetahui di laluan perjalanannya akan terdapat binatang buas atau penjenayah, maka dia akan berusaha untuk mengambil langkah berwaspada serta memilih laluan yang diyakini lebih selamat kepadanya.

Al-Subkiyy (1995: 3/177) menjelaskan *al-ihhtiyat* ialah menjadikan sesuatu yang tiada seakan-akan wujud dan menjadikan sesuatu yang meragukan seolah-olah pasti. Manakala ʿIzz al-Din ibn Abd al-Salam (1991: 2/ 61) menyatakan bahawa *al-ihhtiyat* adalah menyerupai sikap warak iaitu seorang mukallaf meninggalkan sesuatu yang meragukan kepada sesuatu yang lebih diyakini dan tidak meragukan. Ibn al-Humam (T.th: 1/341) pula mengatakan dalam frasa yang lebih mudah bahawa *al-ihhtiyat* ialah beramal dengan dalil yang paling kuat.

Berdasarkan kepada kepelbagaian definisi yang diberikan, dapatlah dinyatakan bahawa doktrin *al-ihhtiyat* berperanan menghilangkan kesamaran dalam penentuan hukum syarak. Doktrin ini adalah sangat penting bagi memelihara hukum yang diyakini dalam mendepani situasi yang meragukan. Muhammad ʿUmar Samaʿiyy (2006: 12) dalam kajiannya berkaitan doktrin *al-ihhtiyat* menjelaskan bahawa definisi yang dikemukakan oleh ilmuan terdahulu merangkumi tiga bentuk iaitu; penafsiran kepada memelihara daripada perkara yang syak dan meragukan, penafsiran kepada berwaspada serta berjaga-jaga dan penafsiran kepada kombinasi dua maksud sebelumnya. Beliau turut mencadangkan definisi kepada *al-ihhtiyat* ialah tugas mengikut syarak yang berperanan menjaga daripada melakukan perkara yang bertentangan di sisi Allah ketika tidak mengetahui perihal sesuatu hukum.

Ilmuan usul al-fiqh membincangkan perbahasan yang terperinci tentang status doktrin *al-ihhtiyat*. Beberapa pertautan antara *al-ihhtiyat* dengan terminologi lain seperti pendekatan *al-yaqin* (melihat kepada yang diyakini), *sadd al-dharaʿiʿ* (halangan jalan yang menuju sesuatu yang ditegah) dan *al-tathabbut* (kepastian) telah dianalisis oleh ʿAliyy al-Matrudiyy (1432H: 5). Setiap satu daripada terminologi tersebut mempunyai hubungan persamaan antara umum dan khusus dengan doktrin *al-ihhtiyat*.

Menurut Ashraf al-Kinaniyy (2005M: 22), *al-ihhtiyat* merupakan salah satu pendekatan yang dikenali dengan *al-adillah al-istiʿnasiyyah*. Kelompok dalil ini bersifat pengukuhan bagi menambah kefahaman yang selesa terhadap sumber dan dalil dalam perundangan Islam. Ia bukannya sesuatu yang boleh berdiri sendiri, akan tetapi memberi pengukuhan dan sokongan terutama dalam perkara atau masalah yang tidak mempunyai nas yang jelas. *Al-Adillah al-istiʿnasiyyah* bermaksud cenderung kepada sesuatu yang memberi ketenangan kepada hati dan menghilangkan kerunsingan. Pendekatan-pendekatan lain yang dibahagikan dalam kelompok ini ialah *al-akhdh bi aqal ma qila*, *al-ilham*, *dilalat al-siyaq*, *dilalat al-iqtiran* dan *dilalat al-awla*.

Peranan doktrin *al-ihhtiyat* untuk dijadikan hujjah dalam sesuatu hukum fiqh diterima oleh majoriti ulama terutama daripada mazhab empat. Imam Al-Sarkhasiyy menyatakan mengambil pendekatan *al-ihhtiyat* merupakan sesuatu yang dibenarkan di sisi syarak. Terdapat segelintir ulama seperti Ibn Hazm, al-Tibriziyy, al-Lakhamiyy dan al-Qadi ʿIyad yang menolak untuk dijadikan hujjah dalam penentuan hukum (Ashraf al-Kinaniyy, 2005: 22). Ibn Hazm (T.th: 6/10) yang berpendirian tegas dalam isu ini telah meletakkan perbahasan menolak pihak yang menggunakan *al-ihhtiyat* iaitu bab 34 dalam karya usul al-fiqhnya dengan menyatakan, “*Tidak dibenarkan bagi seseorang untuk menggunakan al-ihhtiyat dalam urusan agama, maka mengharamkan dalam perkara yang tidak diharamkan oleh Allah SWT. Ini kerana keadaan sedemikian itu menjadikannya melakukan pendustaan pada agama. Allah SWT lebih berhak untuk mengambil al-ihhtiyat ke atas kita berbanding sebahagian kita atas yang lain*”.

Kedua-dua pihak sama ada yang menerima dan menolak mempunyai dalil sandaran sama ada berbentuk naqli mahupun aqli bagi mengukuhkan pendapat masing-masing dalam isu menjadikan doktrin *al-ihthiyat* sebagai hujjah ke atas sesuatu hukum fiqh. Antara dalil yang digunakan oleh pihak yang menerima doktrin *al-ihthiyat* sebagai hujjah ialah firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! jauhilah kebanyakan sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian daripada sangkaan itu adalah dosa” (Al-Quran. al-Hujurat. 49: 12).

Dalam firman-Nya yang lain bermaksud:

“Dan Kami telah menuliskan bagi Nabi Musa pada lauh-lauh (Taurat) itu, daripada pelbagai jenis nasihat pengajaran dan penjelasan bagi tiap-tiap sesuatu (dasar syariat dan hukum-hukumnya). Oleh itu, terimalah Dia (dan amalkanlah Wahai Musa) dengan bersungguh-sungguh, dan suruhlah kaummu berpegang (serta mengamalkan) yang sebaik-baiknya (iaitu suruhan-suruhannya). Aku akan perlihatkan kepada kamu akan negeri orang-orang yang fasik (derhaka)” (Al-Quran. al-A'raf. 7: 145).

Allah SWT menjelaskan dalam ayat yang pertama supaya meninggalkan sebarang sangkaan yang membawa kepada dosa kerana ditakuti akan melakukan dosa yang tidak dikehendaki. Hal ini merupakan sebahagian langkah berwaspada dalam mengelakkan sebarang bentuk kesilapan dalam kehidupan. Manakala dalam ayat kedua pula, perintah untuk memilih cara yang terbaik iaitu setiap perkara yang selari dengan tuntutan syarak. Memilih langkah berjaga-jaga merupakan sebahagian cara terbaik yang dianjurkan oleh syarak. Dalil sokongan lain ialah daripada hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Tinggalkan apa yang meragukan kamu kepada perkara yang tidak meragukan kamu” (Hadis. Al-Tirmidhiyy, *Abwab Sifat Al-Qiyamah Wa Al-Raqa'iq Wa Al-Wara'*. 2518).

Bagi pihak yang menolak penghujahan doktrin *al-ihthiyat* pula, antara dalil yang digunakan ialah firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu berdusta dengan sebab apa yang disifatkan oleh lidah kamu: “Ini halal dan ini haram”, untuk mengada-adakan sesuatu yang dusta terhadap Allah; Sesungguhnya orang-orang yang berdusta terhadap Allah tidak akan berjaya” (Al-Quran. al-Nahl. 16: 116).

Ayat ini menerangkan bahawa urusan penentuan halal dan haram oleh manusia merupakan sebahagian pendustaan dalam agama dan ianya dianggap satu kesalahan. Hal ini kerana setiap penentuan dalam perkara tersebut hanya milik Allah SWT melalui nas-nas syarak yang wujud sahaja.

DOKTRIN AL-IHTIYAT DALAM PEWARISAN PUSAKA KEPADA KHUNTHA

Pensyariatian hukum perwarisan harta pusaka melalui faraid adalah bertujuan untuk merealisasikan kemaslahatan manusia sama ada melibatkan individu, keluarga dan masyarakat. Walaupun perbahasan hukum ini dikategorikan dalam hukum fiqh yang terperinci (*al-ahkām al-tafsiliyyah*), namun ia tidak terlepas daripada sebarang bentuk ijtihad. Situasi ini membuktikan kepentingan ijtihad sama ada dalam memahami nas atau mengamalkannya mengikut tuntutan realiti semasa. Doktrin *al-ihthiyat* merupakan salah satu elemen pendekatan ijtihad dalam usaha untuk memahami teks (nas) dan konteks (realiti) bagi menentukan sesuatu hukum fiqh.

Formula agihan faraid yang ditetapkan oleh Syarak terdiri daripada tiga komponen utama, iaitu: mengenal konsep asas faraid, menentukan waris-waris dalam pewarisan serta bahagian masing-masing dan memahami doktrin pengagihan sesuatu agihan pusaka. Sesuatu kes faraid akan dapat diselesaikan dengan mudah apabila setiap perkara dalam tiga komponen tersebut difahami dengan jelas. Ringkasnya, komponen

yang perlu diketahui oleh setiap individu dalam menyelesaikan kes-kes faraid ialah (Zahari Mahad Musa & Mushaddad Hasbullah. 2015: 36):

- i. Komponen I: Komponen penting dalam mengetahui kerangka sesuatu pusaka iaitu melibatkan konsep asas faraid yang terdiri daripada rukun faraid, sebab, syarat dan penghalang sesuatu faraid.
- ii. Komponen II: Komponen berkaitan individu-individu berhak untuk menerima pusaka si mati yang terdiri daripada tiga golongan waris iaitu *ashab al-furud*, *°asabah* dan *dhawi al-arham*.
- iii. Komponen III: Komponen yang melibatkan doktrin pengagihan dalam faraid termasuklah *al-radd*, *al-°awl*, *al-hajb*, *al-ta°sil* dan *al-tashih*.

Isu *khuntha* dalam pewarisan yang dibincangkan oleh ilmuan fiqh adalah kerana berlakunya kesamaran status mereka. Status jantina bukan merupakan syarat utama dalam pewarisan. Syarat-syarat utama yang dibincangkan oleh ilmuan *fiqh al-mirath* terdiri daripada tiga iaitu pewaris telah meninggal dunia secara pasti, waris diyakini hidup dan hubungan antara keduanya diketahui tanpa sebarang halangan.

Walaupun hukum faraid tidak meletakkan status jantina sebagai syarat pusaka, namun secara implisit ia dapat difahami menerusi agihan berasaskan susur galur keturunan terutama penarafan kategori waris kepada tiga golongan utama iaitu *ashab al-furud*, *°asabah* dan *dhawi al-arham*. Malah penentuan golongan *ashab al-furud* yang merupakan penerima atau waris pusaka utama turut melibatkan dua jantina sama ada lelaki dan perempuan sahaja. Waris *ashab al-furud* terdiri daripada dua belas orang iaitu empat lelaki dan lapan perempuan. Oleh yang demikian, kesamaran dan ketidakpastian berlaku sekiranya waris daripada kalangan *khuntha*.

Doktrin *al-ihthiyat* sangat diperlukan dalam menyelesaikan isu pewarisan *khuntha* bagi mengelakkan ketidakpastian dan menentukan bahagian yang bersifat diyakini. Perkara yang disepakati adalah bahagian pusaka *khuntha* terutama kategori *mushkil* (tidak jelas) tidak mungkin diperolehi sebagai seorang isteri atau suami atas keraguan dalam diri masing-masing yang menyebabkan tidak sahnya perkahwinan. Selain daripada itu, *khuntha* juga tidak mungkin memperolehi pusaka atas status seorang bapa, ibu, datuk atau nenek kerana tidak wujud keraguan lagi apabila mereka menjadi salah seorang daripada mereka. Maka yang berbaki ialah apabila kedudukan *khuntha* sebagai seorang anak, adik-beradik (*al-ukhuwwah*) atau bapa saudara (*al-°umumah*) kepada si mati (°Uthman Ahmad °Uthman Muhammad, 2006: 342; °Ala' °Umar Muhammad al-Haf, 2017: 2).

Kedudukan *Khuntha* dalam Kerangka Fiqh

Khuntha merupakan perkataan bahasa Arab yang diambil daripada *khanatha* yang bermaksud tidak diketahui keadaannya atau lembut. Dari segi syarak, istilah *khuntha* diertikan sebagai seseorang yang mempunyai dua alat kelamin iaitu kemaluan lelaki dan kemaluan perempuan atau tidak terdapat sebarang tanda sama ada lelaki ataupun perempuan, tetapi yang ada hanya tempat keluar air kencing sahaja. *Khuntha* juga didefinisikan sebagai seorang yang cacat kejadiannya sehingga tidak dapat dipastikan sama ada dia lelaki ataupun perempuan (Sa°diyy Abu Jayb. 1988: 124).

Justeru itu, timbul keraguan sama ada statusnya lelaki atau perempuan kerana manusia merupakan ciptaan Allah SWT yang pada umumnya terdiri daripada dua kategori jantina sahaja iaitu lelaki atau perempuan. Sekiranya seseorang dilahirkan mempunyai dua alat kelamin iaitu lelaki atau perempuan atau tanpa kedua-duanya, maka akan timbul kesulitan dalam menentukan jantainya dan seterusnya dalam menetapkan bahagian pewarisannya. Kesamaran yang berlaku juga memerlukan pendekatan *al-ihthiyat* digunakan dalam menentukan hak *khuntha* dalam pusaka supaya agihan turut diberikan kepada komuniti minoriti ini.

Fuqaha membahagikan *khuntha* kepada dua kategori utama berdasarkan faktor wujud kesamaran jantina atau tidak iaitu melihat kepada alat kelamin serta kefungisian alat tersebut. Dua kategori tersebut ialah (Muhammad °Ali al-Bar. 2002: 453):

- i. *Khuntha ghayr mushkil* (*khuntha* yang tiada keraguan), iaitu seseorang yang mempunyai dua alat kelamin atau tanpa kedua-duanya tetapi jelas keadaannya sama ada dia lelaki atau perempuan. Dalam keadaan ini, penentuan sebagai lelaki secara pasti sekiranya terdapat ciri-ciri atau tanda-tanda tertentu yang menunjukkan dia seorang lelaki seperti tumbuh janggut atau misai, berkahwin dengan perempuan dan mampu memberikan zuriat, kencing sebagaimana lelaki dan sebagainya. Begitu juga sebaliknya, ia mempunyai tanda-tanda yang menunjukkan ia seorang perempuan seperti minat kepada orang lelaki, datang haid, zahir buah dada, kencing sebagaimana perempuan, hamil dan sebagainya. Oleh itu, dalam keadaan ini, *khuntha* tersebut tidak menimbulkan sebarang kesukaran dalam menentukan statusnya sama ada dia seorang lelaki atau perempuan kerana jika dia mempunyai tanda-tanda menunjukkan lelaki maka dia dihukumkan lelaki dan begitu juga sebaliknya.
- ii. *Khuntha mushkil* (*khuntha* yang terdapat keraguan), iaitu seseorang yang tidak jelas keadaannya sama ada lelaki atau perempuan disebabkan tanda-tanda yang dinyatakan di atas tidak jelas atau mempunyai tanda-tanda yang bertentangan seperti zahir buah dada dan halkum dalam satu masa. Termasuk juga dalam kategori *khuntha mushkil* ialah seseorang yang tidak mempunyai kedua-dua alat kelamin sama ada alat kelamin lelaki atau perempuan sehingga terpaksa dibuat lubang tiruan untuk membuang air kecil atau membuang air besar. Oleh itu, fuqaha menetapkan dua cara bagi mengetahui jantina *khuntha mushkil* iaitu:
 - a. Melihat cara ia kencing semasa kecil.
 - b. Meneliti tanda-tanda kedewasaan (baligh).

Aplikasi *Al-Ihtiyat* dalam Pewarisan Pusaka Kepada *Khuntha*

Fuqaha bersepakat menetapkan bahawa pewarisan kepada *khuntha ghayr mushkil* adalah berdasarkan tanda zahir yang ada padanya. Sekiranya dia mempunyai ciri-ciri sebagai seorang lelaki, maka bahagian pusaknya mengikut bahagian seorang lelaki dan begitu juga sebaliknya. Asas sandaran hukum bagi situasi ini ialah hadis Rasulullah SAW:

“*Sesungguhnya Rasulullah s.a.w pernah ditanya berkaitan anak yang lahir dengan mempunyai kemaluan perempuan dan kemaluan lelaki, daripada mana dia akan mewarisi (pusaka)? Lalu Rasulullah s.a.w menjawab: Dia mewarisi daripada mana dia mengeluarkan air kencing*” (Hadis. Al-Bayhaqiyy. *Kitab al-Fara'id. Bab Mirath Al-Khuntha*. 12518).

Selain itu, ulama juga bersepakat bahawa *khuntha mushkil* yang tidak diketahui keadaannya sama ada lelaki atau perempuan walaupun telah mencapai umur dewasa, tetap mempunyai hak dan bahagian terhadap harta pusaka. Walau bagaimanapun, mereka berselisih pendapat dalam menentukan bahagian pewarisan mereka. Perbezaan pendapat mereka adalah seperti berikut (Shalabiyy. 1978: 354; Jumu'ah Muhammad Barrāj. t.th: 711; °Ala' °Umar Muhammad al-Haf. 2017: 2):

- i. Mazhab Hanafi berpendapat bahagian *khuntha* adalah bahagian yang terendah antara dua andaian sama ada dia diandaikan sebagai lelaki atau perempuan. Manakala waris lain diberikan bahagian yang terbanyak. Pendapat ini juga merupakan pendapat umum para sahabat dan salah satu pendapat Imam Shafi'iy. Menurut pendapat ini juga, sekiranya dalam dua andaian tersebut (lelaki atau perempuan) terdapat salah satu andaian di mana *khuntha mushkil* tidak boleh mempusakai sama ada terdinding atau kehabisan harta, maka dia dianggap tidak boleh mewarisi (Ibn Nujaym. T.th: 8/543).
- ii. Imam Malik dan Abu Yusuf berpendapat bahawa bahagian *khuntha mushkil* ialah separuh bahagian jika dia diandaikan lelaki dan separuh bahagian jika dia diandaikan perempuan. Sekiranya *khuntha mushkil* itu hanya mempusakai salah satu sahaja daripada dua andaian itu, maka dia akan mengambil separuh

bahagian daripada andaian di mana dia boleh mempusakai. Sebaliknya, jika sekiranya bahagian kedua-dua andaian itu sama banyak, maka dia (*khuntha mushkil*) akan mengambil salah satu daripada bahagian tersebut (Al-^oAbdariyy. 1994: 8/610).

- iii. Mazhab Shafi^oiyi berpendapat bahawa semua waris termasuk *khuntha* akan mengambil bahagian yang paling minimum kerana inilah yang diyakini. Sementara itu, bakinya akan ditangguhkan pemberiannya sehingga jelas kedudukan *khuntha* tersebut sama ada lelaki atau perempuan. Sekiranya persoalan *khuntha* masih tidak jelas, waris-waris hendaklah mengadakan satu rundingan untuk saling menghibahkan (membahagikan) baki harta yang ditangguhkan itu. Menurut pendapat ini juga, sekiranya bahagian *khuntha* sama banyak sama ada dia diandaikan lelaki atau perempuan, maka tidak akan berlaku penahanan harta. Begitu juga sekiranya salah satu daripada andaian tersebut terdapat andaian di mana *khuntha* tidak boleh mewarisi kerana terdinding atau kehabisan harta, maka dia tidak boleh mewarisi sehingga jelas kedudukannya. Di samping itu, menurut pendapat yang muktamad dalam kalangan fuqaha mazhab Shafi^oiyi bahawa jika terdapat waris yang terdinding dengan salah satu daripada andaian sama ada *khuntha* itu lelaki atau perempuan maka waris tersebut tidak boleh mewarisi (Al-Juwayniyy. 2007: 9/305).
- iv. Mazhab Hanbali berpendapat bahawa bahagian yang paling minimum diberikan kepada *khuntha* antara dua andaian sama ada lelaki atau perempuan sehingga jelas kedudukannya dan bakinya ditangguhkan dahulu pemberiannya. Pendapat ini sama seperti pendapat mazhab Shafi^oiyi pada peringkat permulaannya. Walau bagaimanapun, sekiranya kedudukan *khuntha* itu tidak jelas juga selepas baligh, mereka berpendapat sama seperti pendapat imam Malik iaitu bahagian *khuntha* adalah separuh daripada dua andaian sama ada lelaki atau perempuan. Sekiranya dia mewarisi daripada salah satu andaian tersebut, maka ia akan mendapat separuh bahagian daripada andaian tersebut (Al-Buhtiyiyy. t.th: 4/469).

Bagi menjelaskan pandangan fuqaha dalam agihan pusaka kepada *khuntha* sebelum ini, satu contoh kes faraid dikemukakan iaitu apabila seorang lelaki meninggal dunia dan meninggalkan seorang isteri, ibu, bapa dan seorang anak *khuntha mushkil*. Pembahagiannya adalah mengikut dua andaian iaitu sama ada sebagai lelaki atau perempuan. Isteri dan ibu mendapat bahagian yang sama dalam kedua-dua andaian iaitu 1/8 kepada isteri dan 1/6 kepada ibu. Kedudukan bahagian bapa akan terkesan dengan dua andaian tersebut. Sekiranya anak tersebut diandaikan lelaki, maka bapa akan mendapat secara fardu sahaja iaitu sebanyak 1/6. Manakala jika anak tadi diandaikan perempuan, maka bapa akan mewarisi secara fardu (1/6) dan ^oasabah iaitu mengambil baki pusaka. Penyelesaian pewarisan setiap waris mengikut kedua-dua andaian adalah seperti jadual (1) berikut:

Jadual 1: Penyelesaian Kes *Khuntha*


Waris-waris	Andaian I: <i>khuntha</i> sebagai anak		Andaian II: <i>khuntha</i> sebagai anak	
	Penyelesaian <i>Farā'id</i>		Penyelesaian <i>Farā'id</i>	
	Kadar fardu	Saham	Kadar fardu	Saham
Isteri	1/8	3/24	1/8	3/24
Ibu	1/6	4/24	1/6	4/24
Bapa	1/6	4/24	1/6 + ^o asabah	4/24 + 1/24 = 5/24
Anak <i>khuntha</i>	^o asabah	13/24	1/2	12/24
Jumlah (Asal masalah)		24/24	Jumlah	24/24

Dua andaian pewarisan kepada *khuntha* menjadi asas kepada penyelesaian yang diterangkan oleh fuqaha mazhab. Perincian pandangan fuqaha keatas dua andaian di atas adalah seperti berikut:

- i. Mazhab Hanafi: Penyelesaian di atas menunjukkan bahawa andaian *khuntha mushkil* itu sebagai lelaki lebih besar bahagiannya iaitu $13/24$ berbanding andaian dia sebagai perempuan iaitu menyamai $12/24$. Oleh itu, mengikut pendapat mazhab Hanafi, *khuntha mushkil* itu hendaklah dianggap sebagai seorang perempuan kerana ia merupakan bahagian yang paling rendah antara dua andaian di atas. Sekiranya *khuntha mushkil* itu jelas keadaannya sebagai seorang lelaki selepas itu, maka bapa hendaklah mengembalikan bahagian $1/24$ kepada *khuntha* tersebut.
- ii. Mazhab Maliki dan Hanbali: Mazhab ini menetapkan bahawa *khuntha mushkil* akan menerima separuh daripada keseluruhan dua andaian di atas iaitu bahagian lelaki dan bahagian perempuan. Hal ini bermakna separuh daripada kedua-dua bahagian iaitu $13/24$ (jika diandaikan lelaki) dan $12/24$ (jika diandaikan perempuan) ialah $13/24 + 12/24 = 25/24 \times 1/2 = 25/48$.
- iii. Mazhab Shafi'iy: Mazhab ini berpendapat dalam kes tersebut, *khuntha* itu hendaklah dianggap sebagai seorang anak perempuan dan mendapat bahagiannya iaitu $12/24$ daripada harta peninggalan si mati. Hal ini kerana bahagian itu lebih diyakini untuknya, sedangkan bahagian lelaki iaitu $13/24$ merupakan bahagian yang diragui untuknya dan hak tidak sabit berdasarkan keraguan. Manakala, bahagian $1/24$ lagi akan dibekukan sehingga jelas kedudukannya. Sekiranya ternyata pada akhirnya *khuntha* itu lelaki, bahagian yang dibekukan itu ($1/24$) hendaklah diberikan kepadanya. Akan tetapi sekiranya yang berlaku adalah sebaliknya maka bahagian yang dibekukan itu diberikan kepada bapa sebagai waris *asabah*. Walau bagaimanapun, jika sekiranya keadaan *khuntha* itu tidak jelas juga, maka para waris hendaklah mengadakan satu rundingan damai untuk saling menghibahkan (membahagikan) baki harta ($1/24$) yang dibekukan itu.

Berdasarkan pandangan dan ijtihad fuqaha, doktrin *al-ihthiyat* menjadi asas dalam penentuan bahagian pusaka *khuntha*. Bahkan doktrin ini turut digunakan dalam agihan kepada waris-waris lain sekiranya si mati meninggalkan waris lain bersama *khuntha*. Secara umumnya, pewarisan harta pusaka kepada *khuntha* melalui doktrin *al-ihthiyat* dapat ditunjukkan dalam carta alir seperti rajah (1) berikut:

Rajah 1: Carta Alir Pewarisan Harta Pusaka Kepada *Khuntha*



Situasi Kes *Khuntha* Dalam Pewarisan Pusaka

Terdapat lima situasi utama dalam pewarisan pusaka yang melibatkan *khuntha*. Kesemua situasi ini meletakkan dua andaian pengiraan iaitu sama ada *khuntha* tersebut lelaki atau perempuan (Al-Buhutiyy. 471; Jumu'ah Muhammad Barrāj. 708). Dengan memahami situasi-situasi ini, pengiraan pusaka kepada *khuntha* dapat difahami dengan mudah terutama menjadi asas bagi pendapat mazhab yang mengatakan bahagian *khuntha* adalah yang paling rendah daripada dua andaian.

Situasi I: *Khuntha* Diandaikan Lelaki Dan Perempuan, Namun Bahagian Adalah Sama Daripada Kedua-Dua Andaian

Contoh kes, seorang perempuan meninggal dunia dan meninggalkan waris iaitu bapa, ibu, seorang anak perempuan dan seorang cucu *khuntha* iaitu anak kepada anak lelaki. Sekiranya, *khuntha* tersebut diandaikan perempuan, maka bahagian pusakanya ialah satu perenam. Begitu juga sekiranya diandaikan lelaki, maka bahagiannya juga

sebanyak satu perenam iaitu diperolehinya secara ^oasabah. Oleh yang demikian, tiada perbezaan bahagian pusaka daripada kedua-dua andaian tersebut seperti jadual (2) berikut:

Jadual 2: Situasi Kes *Khuntha* (i)

Waris-waris	Andaian I: <i>khuntha</i> sebagai cucu lelaki = anak lelaki kepada anak lelaki		Andaian II: <i>khuntha</i> sebagai cucu perempuan = anak perempuan kepada anak lelaki	
	Penyelesaian <i>Farā'id</i>		Penyelesaian <i>Farā'id</i>	
	Kadar <i>fardu</i>	Saham	Kadar <i>fardu</i>	Saham
Ibu	1/6	1/6	1/6	1/6
Bapa	1/6	1/6	1/6 + ^o asabah	1/6
Anak perempuan	1/2	3/6	1/2	3/6
Cucu <i>khuntha</i>	^o asabah	1/6	1/6	1/6
Jumlah (Asal masalah)	6/6		Jumlah	6/6

Berdasarkan jadual (2), bahagian *khuntha* adalah sama jika diandaikan lelaki atau perempuan. Tiada nilai paling rendah bagi *khuntha* dalam situasi ini. Oleh yang demikian, tidak wujud perselisihan pewarisan pusaka iaitu sebanyak satu perenam. Pengiraan ini adalah menurut Mazhab Hanafi dan Shafi'iy. Bagi Mazhab Maliki dan Hanbali, terdapat pengiraan yang khusus dalam situasi ini. Disebabkan asal masalah mempunyai nilai yang sama (*tamathul*) iaitu 6 dalam kes ini, maka nombor tersebut perlu didarabkan dua iaitu mewakili dua andaian dan menghasilkan asal masalah yang baharu iaitu 12. Seterusnya setiap bahagian waris akan ditambah bagi kedua-dua andaian. Perincian pengiraan adalah seperti jadual (3) berikut:

Jadual 3: Penyelesaian Situasi (i) bagi Kes *Khuntha* Menurut Mazhab Malik dan Hanbali

Waris-waris	Andaian I: <i>khuntha</i> sebagai cucu lelaki = anak lelaki kepada anak lelaki		Andaian II: <i>khuntha</i> sebagai cucu perempuan = anak perempuan kepada anak lelaki		Penyelarasan bahagian	
	Penyelesaian		Penyelesaian <i>Farā'id</i>			
	Kadar	Saham	Kadar <i>fardu</i>	Saham		
Ibu	1/6	1/6	1/6	1/6	1+1=2	2/12
Bapa	1/6	1/6	1/6 + ^o asabah	1/6	1+1=2	2/12
Anak perempuan	1/2	3/6	1/2	3/6	3+3=6	6/12
Cucu <i>khuntha</i>	^o asabah	1/6	1/6	1/6	1+1=2	2/12
Jumlah (Asal masalah)	6/6		Jumlah	6/6	6x2= 12	12/12

Situasi II: *Khuntha* Diandaikan Lelaki Dan Perempuan, Namun Bahagian Dengan Andaian Lelaki Adalah Lebih Banyak

Contoh kes, seorang perempuan meninggal dunia dan meninggalkan waris iaitu seorang anak perempuan, seorang saudara lelaki seibu sebapa dan seorang anak *khuntha*.

Sekiranya diandaikan *khuntha* tersebut lelaki, maka bahagian yang diperolehinya adalah secara *‘asabah* iaitu sebanyak dua pertiga dan melindungi saudara lelaki si mati. Namun, sekiranya diandaikan sebagai perempuan, maka bahagiannya akan berkongsi dengan anak perempuan sebanyak dua pertiga iaitu menyamai satu pertiga seorang. Perincian pengiraan adalah seperti jadual (4) berikut:

Jadual 4: Situasi Kes *Khuntha* (ii)

Waris-waris	Andaian I: <i>khuntha</i> sebagai anak lelaki		Andaian II: <i>khuntha</i> sebagai anak perempuan	
	Penyelesaian <i>Farā'id</i>		Penyelesaian <i>Farā'id</i>	
	Kadar	Saham	Kadar <i>fardu</i>	Saham
Anak perempuan	<i>‘asabah</i>	1/3	2/3	1/3
Anak <i>khuntha</i>		2/3		1/3
Saudara lelaki seibu sebapa	<i>Hajb</i> (terdinding)		<i>‘asabah</i>	1/3
Jumlah (Asal masalah)		3/3	Jumlah	3/3

Jadual (4) menunjukkan bahagian *khuntha* adalah berbeza mengikut dua andaian. Menurut Mazhab Hanafi dan Shafi‘iyy, bahagian yang diperolehi ialah yang terendah iaitu satu pertiga dalam kes ini kerana nilai tersebut lebih diyakini melalui doktrin *al-ihthiyat*. Bagi Mazhab Maliki dan Hanbali, bahagian yang diperolehi ialah separuh daripada kedua-dua andaian. Disebabkan asal masalah bagi kedua-dua andaian adalah sama (*al-tamathul*) iaitu 3 dalam kes ini, maka penyelesaiannya adalah sama seperti situasi (i). Perincian pengiraan adalah seperti jadual (5) berikut:

Jadual 5: Penyelesaian Situasi (ii) bagi Kes *Khuntha* Menurut Mazhab Malik dan Hanbali

Waris-waris	Andaian I: <i>khuntha</i> sebagai anak lelaki		Andaian II: <i>khuntha</i> sebagai anak perempuan		Penyelarasan bahagian	
	Penyelesaian <i>Farā'id</i>		Penyelesaian <i>Farā'id</i>			
	Kadar	Saham	Kadar	Saham		
Anak perempuan	<i>‘asabah</i>	1/3	2/3	1/3	1+1=2	2/6
Anak <i>khuntha</i>		2/3		1/3	2+1=3	3/6
Saudara lelaki seibu sebapa	<i>Hajb</i> (terdinding)		<i>‘asabah</i>	1/3	0+1=1	1/6
Jumlah (Asal masalah)		3/3	Jumlah	3/3	3x2= 6	6/6

Situasi III: *Khuntha* Diandaikan Lelaki Dan Perempuan, Namun Bahagian Dengan Andaian Perempuan Adalah Lebih Banyak

Contoh kes, seorang perempuan meninggal dunia dan meninggalkan waris iaitu suami, ibu dan saudara *khuntha* sebapa. Sekiranya *khuntha* tersebut diandaikan lelaki, maka bahagian yang diperolehinya adalah secara *‘asabah* iaitu sebanyak satu perenam. Namun, dengan andaian sebagai seorang perempuan, bahagian pusaknya adalah satu perdua yang menyamai tiga perapan. Perincian pengiraan adalah seperti jadual (6) berikut:

Jadual 6: Situasi Kes *Khuntha* (iii)

Waris-waris	Andaian I: <i>khuntha</i> sebagai saudara lelaki		Andaian II: <i>khuntha</i> sebagai saudara perempuan		
	Penyelesaian <i>Farā'id</i>		Penyelesaian <i>Farā'id</i>		
	Kadar <i>fardu</i>	Saham	Kadar <i>fardu</i>	Saham	
Suami	1/2	3/6	1/2	3/6	3/8
Ibu	1/3	2/6	1/3	2/6	2/8
Saudara <i>khuntha</i> sebapa	^o <i>asabah</i>	1/6	1/2	3/6	3/8
Jumlah (Asal masalah)	6/6		Jumlah	8/6	8/8

Berdasar jadual (6), Mazhab Hanafi dan Shafi'iyi menjelaskan bahawa bahagian *khuntha* ialah satu perenam disebabkan nilai yang paling rendah. Namun Mazhab Maliki dan Hanbali akan membuat pengiraan semula bagi menjadikan bahagian *khuntha* ialah separuh daripada bahagian lelaki dan perempuan. Disebabkan asal masalah bagi kedua-dua kes adalah berbeza, namun boleh dibahagikan dengan angka yang sama (*tawafuq*) iaitu dua, maka hasil bahagi tersebut perlu didarabkan keatas setiap waris secara bersilang. Asal masalah baharu ialah 48 iaitu hasil darab [6 (asal masalah terkecil) x 4 (hasil bahagi asal masalah kedua dengan dua) x 2 (dua andaian)]. Perincian pengiraan adalah seperti jadual (7) berikut:

Jadual 7: Penyelesaian Situasi (iii) bagi Kes *Khuntha* Menurut Mazhab Malik dan Hanbali

Waris-waris	Andaian I: <i>khuntha</i> sebagai saudara lelaki		Andaian II: <i>khuntha</i> sebagai saudara perempuan			Penyelarasan bahagian
	Penyelesaian		Penyelesaian <i>Farā'id</i>			
	Kadar	Saham	Kadar	Saham		
Suami	1/2	3/6	1/2	3/6	3/8	[3x4] + [3x3]= 21 21/4 8
Ibu	1/3	2/6	1/3	2/6	2/8	[2x4] + [2x3]= 14 14/4 8
Saudara <i>khuntha</i> sebapa	^o <i>asabah</i>	1/6	1/2	3/6	3/8	[1x4] + [3x3]= 13 13/4 8
Jumlah (Asal masalah)	6/6		Jumlah	8/6	8/8	6x4x2= 48/4

Situasi IV: *Khuntha* Mendapat Pusaka Apabila Diandaikan Lelaki Dan Tiada Bahagian Apabila Diandaikan Perempuan

Contoh kes, seorang perempuan meninggal dunia dan meninggalkan waris iaitu suami, ibu dan anak saudara *khuntha* kepada saudara lelaki. Dalam situasi ini, *khuntha* tersebut hanya mendapat pusaka sekiranya diandaikan sebagai lelaki iaitu menjadi anak lelaki kepada saudara lelaki. Ini kerana, sekiranya diandaikan perempuan, maka dia tergolong sebagai waris *dhawi al-arham* iaitu anak perempuan kepada saudara lelaki. Perincian pengiraan faraid adalah seperti jadual (8) berikut:

Jadual 8: Situasi Kes *Khuntha* (iv)

Waris-waris	Andaian I: <i>khuntha</i> sebagai lelaki = anak lelaki kepada saudara lelaki	Andaian II: <i>khuntha</i> sebagai perempuan = anak perempuan kepada saudara lelaki
	Penyelesaian <i>Farā'id</i>	Penyelesaian <i>Farā'id</i>

	Kadar <i>fardu</i>	Saham	Kadar <i>fardu</i>	Saha	Kes al-
Suami	1/2	3/6	1/2	3/6	1/2
Ibu	1/3	2/6	1/3	2/6	1/2
Anak saudara <i>khuntha</i> kepada saudara lelaki	^c <i>asabah</i>	1/6	Bukan waris (waris <i>dhawi al-arham</i>)		
Jumlah (Asal masalah)		6/6	Jumlah	5/6	2/2

Berdasarkan jadual (8), dua andaian bagi bahagian *khuntha* menyebabkan perselisihan yang jelas antara fuqaha mazhab. Mazhab Hanafi dan Shafi'iy bersepakat bahawa *khuntha* tidak akan mewarisi kerana andaian sebagai perempuan adalah lebih diyakini. Walau bagaimanapun, kedua mazhab ini berbeza pandangan ke atas bahagian waris lain. Bagi Mazhab Hanafi, pengiraan secara *al-radd* (pulangan semula) akan digunakan seperti jadual (8). Namun Mazhab Shafi'iy cenderung untuk membekukan bahagian *khuntha* tersebut iaitu sebanyak satu perenam.

Penyelesaian menurut Mazhab Maliki dan Hanbali adalah berbeza kerana berpandangan bahagian *khuntha* adalah separuh daripada kedua-dua andaian. Dalam situasi ini, andaian *khuntha* sebagai lelaki dipilih dalam pengiraan dengan mendarab nombor dua iaitu mewakili dua andaian. Kesemua bahagian waris turut didarab dengan dua, namun *khuntha* hanya layak mendapat separuh. Justeru itu, sebahagian lagi akan dikembalikan kepada waris lain selain suami. Dalam kes ini, bahagian tersebut diberikan kepada ibu iaitu menggunakan kaedah *al-radd* (pulangan semula) seperti yang dijelaskan oleh ilmuan muta'akhir mazhab. Bagi yang tidak menerima kaedah *al-radd* (pulangan semula), bahagian yang berbaki iaitu 1/12 dalam kes ini perlu diserahkan ke baitulmal. Perincian pengiraan faraid adalah seperti jadual (9) berikut:

Jadual 9: Penyelesaian Situasi (iv) bagi Kes *Khuntha* Menurut Mazhab Malik dan Hanbali

Waris-waris	Andaian I: <i>khuntha</i> sebagai lelaki = anak lelaki kepada saudara lelaki		Penyelarasan bahagian	
	Penyelesaian <i>Farā'id</i>			
	Kadar <i>fardu</i>	Saham		
Suami	1/2	3/6	3x2= 6	6/12
Ibu	1/3	2/6	[2x2] +1 =5	5/12 (jika kaedah <i>al-radd</i> diterima, jika tidak ibu mendapat 4/12 dan baki 1/12 diberikan kepada baitulmal)
Anak saudara <i>khuntha</i> kepada saudara lelaki	^c <i>asabah</i>	1/6	[1x2]-1 =1	1/12
Jumlah (Asal masalah)		6/6	6x2= 12	12/12

Situasi V: *Khuntha* Mendapat Pusaka Apabila Diandaikan Perempuan Dan Tiada Bahagian Apabila Diandaikan Lelaki

Contoh kes, seorang perempuan meninggal dunia dan meninggalkan waris iaitu suami, saudara perempuan seibu seapa dan saudara *khuntha* seapa. *Khuntha* hanya akan

mendapat pusaka apabila diandaikan sebagai perempuan iaitu saudara perempuan sebapa. Perincian faraid adalah seperti jadual (10) berikut:

Jadual 10: Situasi Kes *Khuntha* (v)

Waris-waris	Andaian I: <i>khuntha</i> sebagai lelaki = saudara lelaki sebapa		Andaian II: <i>khuntha</i> sebagai perempuan = saudara perempuan sebapa		
	Penyelesaian <i>Farā'id</i>		Penyelesaian <i>Farā'id</i>		
	Kadar <i>fardu</i>	Saham	Kadar <i>fardu</i>	Saham	
Suami	1/2	1/2	1/2	3/6	3/7
Saudara perempuan seibu sabapa	1/2	1/2	1/2	3/6	3/7
Saudara <i>khuntha</i> sebapa	<i>‘asabah</i>	Tiada baki	1/6	1/6	1/7
Jumlah (Asal masalah)	2/2		Jumlah	7/6	7/7

Berdasarkan jadual (10), situasi (v) hampir menyamai situasi (iv). Oleh yang demikian, ijihad Mazhab Hanafi dan Shafi'iy akan menyatakan bahawa tiada bahagian pusaka bagi *khuntha*. Namun, bagi Mazhab Maliki dan Hanbali akan memilih andaian *khuntha* sebagai perempuan untuk membuat pengiraan pusaka. Bagi menghasilkan asal masalah baharu, nilai 7 perlu didarab dengan dua (mewakili dua andaian) dan kemudiannya didarabkan sekali lagi dengan dua iaitu asal masalah daripada andaian pertama. Proses yang sama dilakukan pada bahagian waris-waris lain dan ditambah dengan bahagian masing-masing daripada andaian pertama iaitu satu dalam kes ini. Perincian pengiraan faraid adalah seperti jadual (11) berikut:

Jadual 11: Penyelesaian Situasi (v) bagi Kes *Khuntha* Menurut Mazhab Malik dan Hanbali

Waris-waris	Andaian II: <i>khuntha</i> sebagai perempuan = saudara perempuan sebapa			Penyelarasan bahagian	
	Penyelesaian <i>Farā'id</i>				
	Kadar <i>fardu</i>	Saham			
Suami	1/2	3/6	3/7	$[3 \times 2 \times 2] + 1 = 13$	13/28
Saudara perempuan seibu sabapa	1/2	3/6	3/7	$[3 \times 2 \times 2] + 1 = 13$	13/28
Saudara <i>khuntha</i> sebapa	1/6	1/6	1/7	$1 \times 2 = 2$	2/28
Jumlah (Asal masalah)	7/6		7/7	$7 \times 2 \times 2 = 28$	28/28

KESIMPULAN

Doktrin *al-ihitayat* merupakan sebahagian pendekatan ijihad dalam mengambil langkah berhati-hati dan berwaspada dalam memperolehi sesuatu hukum fiqh yang lebih diyakini. Ia mempunyai kepentingan tersendiri dalam menyelesaikan permasalahan yang tidak mempunyai nas syarak yang jelas. Ijihad fiqh dalam penggunaan doktrin *al-ihitayat* dalam isu pewarisan harta pusaka kepada *khuntha* sangat diperlukan kerana tiada nas syarak berkaitan dengan golongan tersebut. Walaupun kewujudan komuniti *khuntha*

dalam masyarakat disifatkan sebagai kes terpencil yang berlaku, namun hukum-hakam berkaitan dengannya tidak boleh dikesampingkan. Kepentingan ijtihad ini adalah untuk menghilangkan keraguan dan ketidakpastian dalam permasalahan pusaka, di samping peranan faraid itu sendiri yang meletakkan matlamat memberikan hak kepada yang berhak. Dari sudut yang lain, pensyariatkan hukum faraid terutama ayat-ayat pusaka (*ayat al-mawarith*) hanya melibatkan dua jantina sahaja iaitu lelaki dan perempuan.

Perbezaan ijtihad fuqaha berlaku dalam pewarisan pusaka kepada *khuntha mushkil* sahaja kerana faktor kesamaran identiti dan ketidakpastian sama ada cenderung kepada lelaki atau perempuan. Kesemua ijtihad ini sangat berpegang kepada doktrin *al-ihthiyat* dalam menangani isu pewarisan tersebut. Bagi Mazhab Hanafi, bahagian *khuntha* adalah bahagian yang terendah antara dua andaian sama ada diandaikan sebagai lelaki atau perempuan, sedangkan waris lain diberikan bahagian yang terbanyak. Mazhab Maliki pula berpandangan bahawa bahagian *khuntha* ialah separuh bahagian jika dia diandaikan lelaki dan separuh bahagian jika dia diandaikan perempuan.

Manakala Mazhab Shafi'iy berpendapat bahawa semua waris termasuk *khuntha* akan mengambil bahagian yang paling minimum kerana inilah yang diyakini. Penjelasan Mazhab Hanbali pula bergantung status *khuntha* sebelum dan selepas baligh. Bagi *khuntha* yang belum baligh, ijtihad adalah mengikut Mazhab Shafi'iy. Namun selepas baligh, pewarisan mereka adalah mengikut ijtihad Mazhab Maliki. Kodifikasi hukum pewarisan pusaka kepada komuniti *khuntha* perlu dibuat dalam memilih pendapat yang paling tepat bagi mengharmonikan ijtihad fiqh dalam karya teks klasik dan tuntutan konteks semasa.

RUJUKAN

- Al-°Abdariyy, Muhammad ibn Yusuf. 1994. *Al-Taj wa al-Iklil li Mukhtasar Khalil*. Beirut: Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- Al-Bayhaqiyy, Ahmad ibn al-Husayn. 2003. *Al-Sunan al-Kubra*. Beirut: Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- Al-Buhutiyy, Mansur ibn Yunus. T.th. *Kashshaf al-Qina° °an Matn al-Iqna°*. t.tp: Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- Al-Jassas, Ahmad ibn Ali. 1994. *Al-Fusul fi al-Usul*. t.tp: Wazarat al-Awqaf al-Kuwitiyyah.
- Al-Jurjaniyy, °Ali ibn Muhammad. 1983. *Al-Ta°rifat*. Beirut: Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- Al-Juwayniyy, °Abd al-Malik ibn Abdullah. 2007. *Nihayat al-Matlab fi Dirayat al-Madhhab*. t.tp: Dar al-Minhaj.
- Al-Sarkhasiyy, Muhammad ibn Ahmad. T.th. *Usul Al-Sarkhasiyy*. Beirut: Dar al-Ma°rifah.
- Al-Shatibiyy, Ibrahim ibn Musa. 1997. *Al-Muwafaqat*. t.tp: Dar Ibn °Affan.
- Al-Subkiyy, °Ali ibn Abd al-Kafiyy. 1995. *Al-Ibhaj fi Sharh al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- Al-Tirmidhiyy, Muhammad ibn °Isa. 1975. *Sunan al-Tirmidhiyy*. Mesir: Sharikat Maktabah Mustafa al-Halabiyy.
- Al-Zuhayliyy, Wahbah. 1986. *Usul al-fiqh al-Islamiyy*. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu°asar. Jil 1.
- °Ala' °Umar Muhammad al-Haf. 2017. Ahkam Mirath al-Khuntha: Dirasah Fiqhiyyah Qanuniyyah Muqaranah. *Majallat Jam°at Dhi Qar*. Vol 4. Jil. 2.
- °Ali ibn °Abd al-°Aziz al-Matrudiyy. 1432H. Al-Istidlal bi al-Ihtiyat fi Masa'il al-Amr wa al-Nahy °ind al-Usuliyyin. *Majallat al-°Ulum al-Shar°iyyah*. Vol. 21.
- Ashraf ibn Mahmud al-Kinaniyy. 2005. *Al-Adillah al-Isti°nasiyyah °ind al-Usuliyyin*. Amman: Dar al-Nafa'is.
- Ibn Hazm, °Ali ibn Ahmad. T.th. *Al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*. Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidah.
- Ibn al-Humam, Muhammad ibn °Abd al-Wahid. T.th. *Fath al-Qadir*. T.tpt: Dar al-Fikr.
- Ibn Manzur, Muhammad ibn Mukram. 1414H. *Lisan al-°Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Ibn Nujaym, Zayn al-Din ibn Ibrahim. T.th. *Al-Bahr al-Ra'iq Sharh Kanz al-Daqa'iq*. T.tpt: Dar al-Kitab al-Islamiyy.

- °Izz al-Din, °Abd al-Aziz ibn °Abd al-Salam. 1991. *Qawa°id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*. Beirut: Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- Jumu°ah Muhammad Barrāj. T.th. *Ahkām al-Mirāth fi al-Shar°ah al-Islāmiyyah*. Ammān: Dār al-Fikr.
- Muhammad °Aliyy al-Bar. 2002. *Khalq al-Insan bayn al-Tibb wa al-Qur'an*. Jeddah: Al-Dar al-Sa°udiyyah.
- Muhammad °Umar Sama°iyy. 2006. *Nazariyyat al-Ihtiyat al-Fiqhiyy: Dirasat Ta'siliyyah Tatbiqiyyah*. Disertasi Doktor Falsafah, University of Jordan.
- Sa°diyy Abu Jayb. 1988. *Al-Qāmūs al-Fiqhiyy*. Damshiq: Dār al-Fikr.
- Shalabiyy, Muhammad Mustafa. 1978. *Ahkām al-Mawārith Bayn al-Fiqh Wa al-Qānūn*. Beirut: Dār al-Nahdah al-°Arabiyyah.
- °Uthman Ahmad °Uthman Muhammad. 2006. *Al-Irth bi al-Taqdir wa al-Ihtiyat. Majallat Jam°at Umm Durman al-Islamiyyah*. Vol 11.
- Zahari Mahad Musa & Mushaddad Hasbullah. 2015. *Faraid: Pembahagian Pusaka dalam Islam*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.